

PM: Ia akan melambatkan lagi semakan gaji Mogok susahkan semua rakyat

Oleh
MANJA
ISMAL

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan seluruh rakyat akan menghadapi kesan buruk jika Cuepacs melancarkan mogok untuk memperjuangkan tuntutan pelarasan gaji.

"Saya tidak akan rugi atau untung. Apa yang berlaku nanti ialah seluruh rakyat akan menerima padahnya jika mogok diteruskan, terutama ketika negara menghadapi pelbagai kesulitan.

"Saya tidak tahu bila kelembapan ekonomi negara akan pulih dan jika Cuepacs melancarkan mogok, sudah pasti usaha memulihkannya

akan terjejas.

"Ia juga akan melambatkan sebarang semakan semula gaji kakitangan awam," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan *Seminar Biografi Malaysia* di Universiti Malaya, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika Cuepacs mogok, bukan kerajaan sahaja malah negara akan menghadapi kesannya.

Banyak berkorban

Menurut Perdana Menteri, kerajaan bukan bersikap degil, kedekut atau tidak bertimbang rasa apabila tidak memenuhi tuntutan Cuepacs, tetapi kerana tidak mampu.

Kerajaan, katanya, bukan sahaja bertanggungjawab kepada kakitangan awam, tetapi kepada rakyat keseluruhan.

"Saya fikir kerajaan sudah mengagihkannya secara adil dan kita tidak mungkin memaksa orang lain (rakyat) yang memang sudah banyak berkorban untuk terus berkorban lagi," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir meminta Cuepacs mencontohi kesatuan sekerja di Singapura yang memahami kesulitan kerajaan dan dalam masa yang sama memikirkan nasib bekas pekerja lombong, kilang elektronik dan kira-kira 5,000 graduan yang menganggur.

"Jika gaji kita rendah, kerajaan akan mempunyai kemampuan memberi pekerjaan kepada graduan-graduan ini. Lagipun, ada antara mereka yang menerima gaji lebih rendah daripada apa yang sepatutnya," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan mendapatkan perkhidmatan sukarela jika mogok dilancarkan, Perdana Menteri berkata:

"Kita tidak mempunyai pilihan kecuali mengambil semua langkah yang difikirkan perlu bagi memastikan jentera kerajaan berjalan. Walaupun mereka (Cuepacs) terus mogok, tidak ada apa yang boleh kita lakukan."

Perdana Menteri berkata, jika Cuepacs menemuinya supaya beliau mengarahkan kerajaan menerima cadangan mereka, beliau tidak boleh berbuat demikian.

"Kerajaan tidak mampu dan rakyat juga tidak mampu. Kita sudah mempunyai 860,000 orang dalam birokrasi dan ia adalah terbesar di rantau ini.

"Bagaimana kita tidak pernah memecat mereka dan mereka mendapat kenaikan gaji setiap tahun," katanya.

Ketika kerajaan mempunyai wang, kata Perdana Menteri, ia tidak pernah menunggu Cuepacs membuat tuntutan pelarasan gaji, malah pelarasan gaji pada tahun 1980 dibuat setahun lebih awal.